

PRU-13: Janji turun minyak 'drama' Anwar - Najib
Utusan Online
01 May, 2013

KUALA TERENGGANU 1 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan janji pakatan pembangkang menurunkan segera harga minyak merupakan mainan 'drama' ketuanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, semua pihak termasuk Anwar sendiri tahu janji itu sukar untuk dilaksanakan.

Beliau seterusnya memberikan contoh Indonesia yang merupakan antara pengeluar terbesar minyak, kini memutuskan untuk menaikkan harga bahan bakar itu bagi mengelak mengganggu subsidi yang lebih besar.

"Dia ingat senang nak turunkan harga minyak, elektrik, air dan menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta tol. Kalau senang, kenapa negara lain tak buat?"

"Ketika negara-negara lain berdepan dengan kegawatan ekonomi, keadaan di negara kita masih tetap memberangsangkan," ujarinya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Desa Cemerlang Peringkat Kebangsaan 2012 di Kampung Bukit Wan di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130501/px_87/PRU-13-Janji-turun-minyak-drama-Anwar---Najib#ixzz2ZoLCniku